

Headline	Cegah HIV melalui bola sepak		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	55	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,551
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,653



Cegah HIV melalui bola sepak

KONFEDERASI Bola Sepak Asia (AFC) dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berkenaan HIV/AIDS (UNAIDS) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) telah melancarkan kempen *Protect the Goal* di Asia Tenggara.

Kempen global yang telah dilancarkan ketika Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan itu merupakan sebuah program pencegahan virus kurang daya tahan manusia (HIV) yang menggunakan pendekatan bola sepak sebagai medium penyampaian mesej. Ia bermatlamat untuk menangani risiko penyebaran HIV dalam kalangan remaja dan mencegah penularan jangkitan HIV baharu.

Timbalan Setiausaha Agung AFC, Dattuk Windsor John melahirkan sokongan konfederasi tersebut terhadap kempen yang merangkumi negara-negara di Asia Tenggara antaranya Kemboja, Malaysia, Myanmar, Filipina dan Thailand.

"Kami gembira untuk menjadi rakan UNAIDS dan ADB dalam kempen tanggungjawab sosial ini. Objektif kempen ini adalah untuk memanfaatkan populariti bola sepak sebagai sukan nombor satu dunia.

"Menyedari hakikat itu, visi 'Tiga Sifar' dilaksanakan iaitu jangkitan HIV sifar, diskriminasi sifar dan kematian berkaitan AIDS sifar," katanya pada majlis pelancaran kempen tersebut di ibu pejabat AFC

yang terletak di Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut menyertai pelancaran itu ialah pemain bola sepak terkemuka iaitu Kap-

ten Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Hairuddin Omar dan pemain pasukan ATM, Amirizdwan Taj Tajuddin.

Beliau turut memaklumkan bahawa kempen tersebut juga seiring dengan strategi tanggungjawab sosial baharu AFC yang meliputi tempoh 10 tahun.

Sementara itu, Penyelaras Residen PBB dan Wakil Program Pembangunan PBB untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Michelle Gyles-McDonnough berkongsi maklumat bahawa 12 negara menyumbang kepada 90 peratus jangkitan baharu HIV di rantau ini.

Antara negara tersebut ialah Kemboja, China, India, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Thailand dan Vietnam.

"Menerusi kempen ini, kami ingin mengajak para remaja untuk mengambil langkah pencegahan HIV, dengan menjalani ujian kesihatan dan mendapatkan khidmat kaunseling," katanya.

Memandangkan bola sepak sebagai sukan yang diikuti pada usia muda, kempen *Protect the Goal* dikhususkan kepada kanak-kanak berusia 10 hingga 14 tahun. Selain Malaysia, kempen tersebut turut diadakan di Myanmar.



WINDSOR (empat dari kanan) bersama Gyles-McDonnough (empat dari kiri) bergambar bersama para tetamu yang hadir ketika majlis perasmian kempen *Protect the Goal* peringkat Asia Tenggara di Kuala Lumpur baru-baru ini.